

H1N1: 5 mangsa dijangkiti

KOSMO. 5/6/09 M/S 2

PUTRAJAYA - Selepas 20 hari diisytiharkan bebas penularan wabak influenza A (H1N1), Malaysia mengesahkan tiga lagi pesakit baru semalam, menjadikan lima orang telah dijangkiti setakat ini.

Ketiga-tiga mangsa itu ialah seorang pelajar yang pulang bercuti dari Amerika Syarikat serta dua pelancong Jerman berusia 30 dan 32 tahun.

Malaysia sebelum ini melaporkan dua kes pertama H1N1, iaitu kedua-duanya pelajar yang pulang dari Amerika Syarikat pada 15 dan 16 Mei lalu.

Pelajar yang menjadi mangsa ketiga itu berusia 23 tahun dan pulang dalam keadaan sihat dengan pesawat Penerbangan Malaysia MH091 dari Amerika Syarikat (AS) pada Isnin lalu tetapi mengalami demam semasa berada di rumahnya kelmarin. Dia kini dirawat di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, kedua-dua pelancong itu pula tiba di negara ini kelmarin melalui penerbangan AirAsia AK702 dari Singapura pukul 1.55 tengah hari.

"Mereka demam semasa berada di Kuala Lumpur dan pergi ke Hospital Gleneagles untuk mendapatkan rawatan dan dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur pukul 1.40 awal pagi semalam," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, pihaknya meminta 276 penumpang serta anak kapal pener-



GAMBAR Wad 8C, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban yang menempatkan seorang pelajar mangsa H1N1 semalam.

bangan MH091 pada Isnin lalu menghubungi pihak berkuasa kesihatan untuk nasihat kesihatan serta keperluan kuarantin di rumah.

Menurutnya, mereka juga sudah dapat mengesan kesemua 14 kontak terdekat pelajar terbabit hasil kerjasama keluarganya

dan mereka kini dikuarantin di rumah.

Mohd. Ismail berkata, rekod Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semalam mengesahkan laporan 19,535 kes H1N1 dengan 117 kematian dari 67 negara.

Empat negara terbaru wabak ialah Mesir, Lebanon, Luxembourg dan Nicaragua.